

sisi mereka dihukum sebagai dha'if sangat. Kerana dia adalah seorang perawi yang sangat dha'if, bahkan dia telah dikatakan juga sebagai pendusta.

(3) Dengan menerima bukit Ĥamat sebagai bukit syurga bererti ada lebih dari empat bukit di dunia ini berasal dari syurga. Sedangkan riwayat contoh pertama telah pun menyebutkan empat bukit sahaja dari syurga. Di situ sudah ada idhthirāb dan ketidaktetapan bilangan bukit syurga di dunia ini. Jika diambil kira beberapa riwayat maudhu' yang lain lagi niscaya terdapat banyak lagi bukit di dunia ini yang dikaitkan dengan syurga. Mana satu daripadanya yang harus diterima, tidak dapat ditentukan!

(4) Di dalam riwayat contoh ketiga ini juga terdapat da'waan bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda tentang ar-Rauhā' sebagai salah satu lembah daripada lembah-lembah syurga. Sedangkan kenyataan seperti ini tidak terdapat di dalam riwayat-riwayat yang sahih. Di mana pula letaknya ar-Rauhā' itu? Ia terletak sejauh 4 barid' (kira-kira 48 batu) dari Madinah. Adakah ia nama lain bagi bukit Wariqān yang tersebut di dalam riwayat contoh pertama? Tidak dapat dipastikan!

(5) Hadits contoh ketiga ini menggambarkan pada tahun pertama atau kedua Hijrah sudah pun ada di ar-Rauhā' itu sebuah masjid yang besar dan luas. Ia telah dikunjungi oleh tujuh puluh orang nabi. Mereka telah bersembahyang di dalamnya sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w. Nabi Musa a.s. pula telah pergi ke masjid itu bersama tujuh puluh ribu orang pengikutnya dari kalangan Bani Isra'il. Tentu sekali Baginda juga telah bersembahyang bersama mereka di dalamnya. Siapa agaknya yang telah membina masjid sebesar itu di sana sebelum Nabi kita Muhammad s.a.w.?

(6) Perenggan pertama riwayat tidak menampakkan ada masjid di ar-Rauhā' ataupun di 'Arqi az-Zhabyah. Di dalamnya hanya tersebut Nabi s.a.w. bersembahyang di situ. Di dalam perenggan kedua tiba-tiba tersebut tujuh puluh orang nabi telah pun bersembahyang di dalam masjid ini sebelumku. Nampak sangat tidak ada kesinambungan di antara dua perenggan riwayat berkenaan.

Usul (66) Hadits-hadits yang menyatakan kelebihan bersembahyang dengan berserban sama ada pada hari tertentu atau secara mutlaq atau untuk mengerjakan sembahyang tertentu tidak ada yang sahih. Semuanya dha'if atau dha'if sangat. Banyak juga daripadanya maudhu'. Di bawah ini adalah sebahagian daripada contohnya.

Contoh Pertama:

صَلَاةٌ تَطَوُّعٌ أَوْ فَرِيضَةٌ بِعِمَامَةٍ تَغْدِلُ خَمْسًا وَعِشْرِينَ صَلَاةً بِلَا عِمَامَةٍ وَجُمُعَةٌ بِعِمَامَةٍ تَغْدِلُ سَبْعِينَ جُمُعَةً بِلَا عِمَامَةٍ.

Bermaksud: Satu sembahyang sunat atau fardhu dengan berserban menyamai dua puluh lima sembahyang tanpa serban. Satu sembahyang Juma`at dengan berserban menyamai tujuh puluh sembahyang Juma`at tanpa serban.

Rujukan:

Ibnu `Asākir – Tārīkh Dimasyq j.37 m/s 355, Hafizh Ibnu Hajar – Lisān al-Mīzān j.3 m/s 244, as-Suyuthi – al-Jāmi` as-Shaghīr j.2 m/s 52, asy-Syaukani – al-Fawā'id al-Majmū'ah m/s 187-188, Ibnu `Arraaq al-Kinaani – Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 122, al-'Ajalūni – Kasyfu al-Khafā' j.2 m/s 28, Mulla `Ali al-Qari- al-Asraaru al-Marfu'ah Fi al-Akhbaari al-Maudhu'ah m/s 233, Muhammad bin Khalil bin Ibrahim al-Massyisi at-Tharabulsi - al-Lu'lu' al-Marshu' m/s 108, al-Albaani- Silsilatu al-Ahaditsi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.1 m/s 249.

Komentar:

(1) Hadits contoh pertama di atas berpunca daripada Ibnu `Asākir di dalam Tārīkh Dimasyqnya. Ia diriwayatkan secara marfu' daripada Ibnu `Umar. Di bawah ini adalah riwayat berkanaan selengkapanya bersama sanad dan terjemahannya:

" ذكر من اسمه عبدان " ٤٣٩٩ - عبدان بن زرين بن محمد أبو محمد الأذربيجاني الدويني المقرئ الضريير قدم دمشق وهو شاب فسكنها وسمع بها الفقيه نصر بن إبراهيم وأبا البركات بن طائوس وأقرأ القرآن مدة ولقن جماعه وكان ثقة خيرا كتبت عنه وكان يسكن دار حمد ويصلي بالناس في الجامع عند مرض البليسي أخبرنا أبو محمد عبدان بن زرين بن محمد الدويني نا نصر بن إبراهيم أنا أبو الفرج عبد الوهاب بن الحسين بن عمر بن برهان أنا أبو عبد الله الحسين بن محمد بن عبيد العسكري أنا إبراهيم بن أيوب المخرمي نا أحمد بن محمد الرقي نا عيسى بن يونس نا العباس بن كثير نا يزيد بن أبي حبيب عن ميمون بن مهران قال دخلت على سالم بن عبد الله بن عمر فحدثني وحدثته مليا ثم التفت إلي فقال يا أبا أيوب ألا أخبرك بحديث تحبه وتحمله عني وتحدث به قال قلت بلى قال دخلت على أبي عبد الله بن عمر بن الخطاب وهو يتعمم فلما فرغ التفت إلي فقال أتحب العمامة قلت بلى قال فأحبها وأعربها تجل وتوقر وتكرم ولا يراك الشيطان إلا ولي سمعت رسول الله (صلى الله عليه وسلم) يقول صلاة تطوع أو فريضة بعمامة تعدل خمسا وعشرين صلاة بلا عمامة وجمعة بعمامة تعدل سبعين جمعة بلا عمامة أي بني اعتم فإن الملائكة يشهدون يوم الجمعة معتمين فيسلمون على أهل العمام حتى تغيب الشمس.

Bermaksud: Kata Maimūn bin Mihrān, “Aku masuk menemui Sālim bin ‘Abdillāh bin ‘Umar. Dia bercakap-cakap denganku dan aku juga bercakap-cakap dengannya agak lama. Kemudian dia berpaling kepadaku lalu berkata, “Wahai Aba Ayyub, mahu tak aku ceritakan kepadamu suatu hadits yang engkau akan suka, engkau akan menerimanya daripadaku dan akan menceritakannya kepada orang lain (pula). Kataku, “Tentu sekali aku mahu.” Dia berkata, “Pernah aku masuk menemui ayahku ‘Abdullāh bin ‘Umar bin al-Khatthāb ketikabeliau sedang memakai serban. Bila selesai, beliau berpaling kepadaku seraya berkata, “Adakah engkau suka serban?” Jawabku, “Ya.” Kata beliau, “Cintailah serban, dengan memakai serban engkau akan dihormati, dimuliakan dan disanjung tinggi. Syaitan tidak akan melihat engkau melainkan ia akan berpaling. Aku telah mendengar rasulullah s.a.w. bersabda: “Satu sembahyang sunat atau fardhu dengan berserban menyamai dua puluh lima sembahyang tanpa serban. Satu sembahyang Juma‘at dengan berserban menyamai tujuh puluh sembahyang Juma‘at tanpa serban. Wahai anakku! Berserbanlah, kerana para malaikat hadir pada hari Juma‘at dengan berserban. Mereka mengucapkan selamat sejahtera kepada orang-orang yang memakai serban hingga tebenam matahari (pada hari itu).”

Di dalam sanad riwayat Ibnu ‘Asākir di atas terdapat seorang yang bernama al-‘Abbaas bin Katsīr ar-Raqqi. Hafizh Ibnu Hajar menganggapnya sebagai seorang perawi majhul. Kata beliau, “Aku tidak nampak nama ‘Abbaas bin Katsīr ini di dalam (Kitab) al-Ghurabā’ karangan Ibnu Yunus, tidak juga ia tersebut di dalam Dzail-nya karangan Ibnu at-Thaḥḥān.”

(2) Sanad hadits di atas sebenarnya mudhtharib. Hafizh Ibnu Hajar di dalam Lisān al-Mīzān menulis, “‘Abbaas bin Katsīr ar-Raqqi meriwayatkan daripada Yazid bin Abi Ḥabīb. Abu Bisyr bin Sayyār ar-Raqqi pula meriwayatkan daripadanya. Ibnu an-Najjār mengemukakan satu riwayatnya yang maudhu’ di bawah biografi al-‘Abbaas bin al-Ḥasan bin Muhammad bin Dilsyād. Ia adalah daripada riwayat Abi Sa‘ad al-Mālīni daripada Muhammad bin Mahdi al-Marwazi daripada Abi Bisyr bin Sayyār (ar-Raqqi) daripada al-‘Abbaas bin Katsīr daripada Yazid bin Abi Ḥabīb, katanya: “Mahdi bin Maimūn berkata kepadaku, “Aku masuk menemui Sālim bin ‘Abdillāh bin ‘Umar ketika beliau sedang memakai serban, lalu beliau berkata, “Wahai Aba Ayyub, tak mahukah engkau aku ceritakan kepadamu satu hadits?” Jawabku, “Tentu sekali mahu.” Kata beliau, “Pernah aku masuk menemui ‘Abdullāh bin ‘Umar r.a. ketika beliau

sedang memakai serban. Maka teruslah beliau berkata kepadaku, “Cintailah serban, wahai anakku, pakailah serban, niscaya engkau dihormati, dimuliakan dan disanjung. Syaitan tidak nampak engkau melainkan akan cabut lari. Sesungguhnya aku telah mendengar rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya satu sembahyang dengan berserban menyamai dua puluh lima sembahyang tanpa serban. Satu sembahyang Juma`at dengan berserban menyamai tujuh puluh sembahyang Juma`at tanpa serban. Sesungguhnya para malaikat menghadhiri Juma`at dengan berserban. Mereka terus menerus mendoakan kebaikan untuk orang-orang yang berserban hingga terbenam matahari (pada hari itu).”

(3) Lihat perbedaan ketara di antara dua sanad di atas. Di dalam sanad Ibnu `Asākir, orang yang meriwayatkan daripada `Abbaas bin Katsīr ialah `Isa bin Yunus. Orang yang meriwayatkan daripada `Abbaas bin Katsīr di dalam riwayat Ibnu an-Najjār pula ialah Abu Bisyr bin Sayyār (ar-Raqqi).

`Abbaas bin Katsīr di dalam riwayat Ibnu `Asākir dan Ibnu an-Najjār kedua-duanya meriwayatkan daripada Yazid bin Abi Ḥabīb. Tetapi Yazid bin Abi Ḥabīb di dalam riwayat Ibnu `Asākir telah meriwayatkannya daripada Maimūn bin Mihrān, sedangkan di dalam riwayat Ibnu an-Najjār pula dia meriwayatkannya daripada Mahdi bin Maimūn. Mana satu daripada dua orang itu sebenarnya yang berbicara dengan Salim bin `Abdillāh bin `Umar, Maimūn bin Mihrān-kah atau Mahdi bin Maimūn?

(4) Setelah mengemukakan riwayat Ibnu an-Najjār di atas Hafizh Ibnu Hajar berkata, “Hadits ini maudhu’.” Ia dikemukakan oleh Imam Abu `Abdillāh Muhammad bin Mahmud bin al-Ḥasan bin an-Najjār dengan sanad yang telah dikemukakan di atas.

Kata beliau lagi, “Aku tidak nampak nama `Abbaas bin Katsīr ini di dalam (Kitab) al-Ghurabā’ karangan Ibnu Yunus, tidak juga ia tersebut di dalam Dzail-nya karangan Ibnu at-Thaḥḥān. Abu Ahmad al-Haakim tidak ada menyebut nama Abu Bisyr bin Sayyār di dalam kitabnya al-Kuna. Aku juga tidak mengetahui siapa Muhammad bin Mahdi al-marwazi dan siapa pula Mahdi bin Maimun yang meriwayatkannya daripada Sālim. Dia bukan Mahdi bin Maimun al-Bashri yang riwayat-riwayatnya terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Entah dari siapa penyakit ini bermula?!” (Lihat Lisān al-Mizān j.3 m/s 244).

(5) Selain Ibnu `Asākir dan Ibnu an-Najjār, ad-Dailami juga meriwayatkan hadits itu, tetapi menerusi saluran riwayat Sufyan bin Ziad al-Makhrami. Dia juga meriwayatkannya daripada `Abbaas bin Katsīr. `Abbaas bin Katsīr-lah madar bagi semua saluran riwayat yang ada.

(6) Bukan seorang dua `ulama' telah menghukum hadits ini sebagai maudhu'. Selain Hafizh Ibnu Hajar, as-Suyuthi di dalam "Dzail al-Aḥādīth al-Maudhū'ah" (m/s110), Ibnu `Arrāq, asy-Syaukani, al-`Ajalūni, al-Fattani, al-Albāni dan lain-lain juga telah menghukumnya sebagai maudhu'.

(7) Hafizh Ibnu Hajar telah menghukum hadits ini sebagai maudhu' kerana ia mengandungi fadhilat yang melampau-lampau bagi suatu perkara yang tidak seberapa pun sehingga akal yang sejahtera tidak dapat menerimanya.

(8) Apakah syaitan akan cabut lari semata-mata dengan melihat orang yang berserban? Ini juga salah satu tanda kepalsuannya. Dan adakah setiap orang yang berserban itu dihormati, dimuliakan dan disanjung tinggi di setiap tempat dan oleh semua masyarakat? Sayang sekali kerana kenyataan tidak menyokongnya.

(9) Ibnu `Umar kelihatan mengajar anaknya Salim cara bagaimana mendapatkan penghormatan dan sanjungan orang ramai. Rupanya pakai serban bagi beliau adalah untuk dihormati, dimuliakan dan disanjung masyarakat! Adakah begitu mentaliti seorang sahabat rasulullah s.a.w. yang terkenal sebagai Mahaguru di kalangan sahabat?

Contoh Kedua:

عن أنس قال: قال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - الصَّلَاةُ فِي الْعِمَامَةِ تُغْتَلُ بِعَشْرَةِ آلَافٍ حَسَنَةٍ

Bermaksud: Anas meriwayatkan, katanya: rasulullah s.a.w. bersabda: Shalat dengan berserban menyamai sepuluh ribu kebajikan.

Rujukan:

Ad-Dailami – Musnadul Firdaus j.2 m/s 406, as-Suyuthi - Dzailu al-La'aali'u al-Mashnu'ah j.1 m/s 429, Ibnu `Arrāq al-Kināni - Tanzih as-Syari'ah al-Marfu'ah j.2 m/s 122, as-Sakhaawi- al-Maqaashidu al-Hasanah m/s 423, Mulla `Ali al-Qāri – al-Asrār

al-Marfū'ah m/s 51, Muhammad bin Muhammad Darwesh – Asna al-Mathalib m/s 171, al-Albaani- Silsilatu al-Ahaditsi ad-Dha'iifah Wa al-Maudhu'ah j.1 m/s 253-254.

Komentar:

(1) Hadits contoh kedua di atas dengan sanad yang lengkap telah dikemukakan oleh ad-Dailami di dalam Musnad al-Firdausnya seperti berikut:

الدِّيلَمِيُّ أَخْبَرَنَا حَمْدُ بْنُ نَصْرٍ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بِنْدَارٍ حَدَّثَنَا أَبِي حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ مُحَمَّدُ بْنُ عَلِيٍّ بْنِ عَامِرٍ
الْثَّهْلَوْنَدِيُّ حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ مَهْرُوبٍ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْمُقَرَّرِيُّ الْقَزْوِينِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْحَاقَ حَدَّثَنَا عَصَامُ بْنُ
الْمُثَنَّى حَدَّثَنَا حَمِيدٌ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَنَسٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -: الصَّلَاةُ فِي الْعِمَامَةِ بَعْشَرَةُ آلَافٍ
حَسَنَةٍ.

Setelah mengemukakannya as-Suyuthi berkata, “Abān seorang perawi yang dikatakan pendusta (مُنْهَمٌ).”

(2) Abān bin Abi 'Ayyāsy al-Bashri. Nama sebenar Abi 'Ayyāsy ialah Fairoz, ada juga orang berpendapat namanya Dīnār. Abu Isma'il pula adalah kuniah Abān. Abān seorang perawi zahid yang dianggap lemah sangat dari kalangan Tabi'in. Dialah yang meriwayatkan hadits contoh kedua itu daripada Anas r.a. Kebanyakan 'ulama' mengatakan Abān perawi matrūkul ḥadīths. Antara tokoh 'ulama' hadits yang berkata begitu terhadap Abān ialah Imam Ahmad, Yahya bin Ma'in, an-Nasaa'i, ad-Daaraquthni, al-Fallās dan lain-lain.

(3) Terdapat ramai juga 'ulama' hadits yang berkata lebih teruk lagi dari itu terhadap Abān. Dia dikatakan telah berdusta dalam meriwayatkan hadits-hadits nabi s.a.w. Syu'bah diriwayatkan telah berkata, “Sesungguhnya aku berzina sebanyak tujuh puluh kali lebih baik lagi bagiku daripada meriwayatkan hadits daripada Abān.” Syu'bah juga diriwayatkan telah berkata, “Menjadi wajib ke atasku bersedekah rumahku dan himarku kepada orang-orang miskin, jika Abān bin Abi 'Ayyāsy tidak berdusta dalam meriwayatkan hadits.” (Lihat adz-Dzahabi - Mīzān al-I'tidāl j.1 m/s 10-15).

(4) Hadits itu telah dihukum maudhu' dan bāthil (karut) oleh sekian ramai 'ulama' hadits, adanya di dalam hampir semua kitab-kitab hadits maudhu' sebagai contoh merupakan salah satu bukti ia di sisi pengarang-pengarangnya adalah maudhu'. Antara

tokoh hadits yang dengan jelas telah menghukumnya sebagai maudhu' ialah Hafizh Ibnu Hajar, as-Sakhāwi, as-Suyuthi, Mulla 'Ali al-Qāri, al-Albāni dan lain-lain.

(5) Tidak masuk 'aqal kalau dikatakan sembahyang dengan berserban semata-mata walaupun seorang diri akan lebih pahalanya daripada sembahyang berjama'ah meskipun tanpa memakai serban! Seorang yang berjama'ah hanya mendapat 25 atau 27 pahala sahaja melebihi sembahyang seorang diri berdasarkan hadits-hadits yang sahih.

Hadits ini pula berkata sembahyang dengan berserban itu menyamai sepuluh ribu kebajikan lain yang dilakukan seseorang, termasuklah ia bersembahyang fardhu dengan berjama'ah.

Bagaimana boleh bersembahyang dengan memakai serban yang paling tinggi pun hukumnya hanyalah mustahab atau menurut pendapat yang lebih kuat lagi ia hanya merupakan Sunnah 'Aadiyyah atau Sunnah Ghair Tasyri'iyah, akan mendatangkan pahala yang lebih lagi daripada sembahyang fardhu dengan berjama'ah yang paling kurang pun hukumnya adalah Sunnah mu'akkadah? Malah menurut sesetengah 'ulama' hukumnya adalah wajib 'aini atau fardhu 'ain atas setiap orang lelaki.

Mana mungkin pahala sembahyang fardhu dengan berjama'ah yang jelas disyariatkan itu akan kurang begitu banyak daripada pahala kerana melakukan sesuatu yang hanya merupakan adat semata-mata?!

(6) Kerana adanya hadits-hadits karut seperti inilah sebahagian umat Islam yang terpedaya dengannya di sesetengah tempat begitu mengambil berat tentangnya. Anda akan dapat melihat orang yang tidak biasa memakai serban pun bila hendak bersembahyang akan memakainya, dan sebaik sahaja selesai sembahyang serban terus ditanggalkan lalu disangkut pada penyangkut baju.

(7) Ada juga orang yang hendak mendapat kelebihan yang tersebut di dalam hadits-hadits seperti itu melipat sapu tangan lalu menjadikannya sebagai pengganti serban. Setelah selesai sembahyang sapu tangan itu kembali semula ketempat asalnya iaitu ke dalam poket seluar atau bajunya.

(8) Menurut kebanyakan 'ulama' dari pelbagai mazhab, menyimpan janggut adalah sesuatu yang wajib ke atas lelaki muslim yang memang berjanggut, menurut sesetengah 'ulama' pula paling tidak hukumnya sunat atau mustahab. Tetapi di banyak tempat dalam dunia Islam, para ma'mum senang hati saja dengan imamnya yang tidak berjanggut (mencukur janggut), asalkan ia berserban ketika menjadi imam shalat. Padahal imam itu telah melakukan suatu yang haram di sisi imam mazhab yang diikutinya.

Sebaliknya mereka tidak senang hati, bahkan tidak dapat menerima seorang imam yang berjanggut dengan baik tetapi tidak berserban. Dalam keadaan ada dua pilihan tersebut, mereka akan mengutamakan imam berserban walaupun mencukur janggutnya daripada imam yang berjanggut tetapi tidak berserban ketika memimpin shalat berjama'ah.

Begitulah keadaan sebahagian daripada umat Islam di dunia sekarang ini. Mereka banyak terpengaruh dan terikut-ikut dengan hadits-hadits maudhu' yang tersebar secara meluas di sana sini. Ajaran sebenar agama pula tidak diambil berat. Yang haram dianggapnya halal, yang tidak wajib bahkan tidak sunat pun hampir-hampir dianggapnya wajib. Puncanya tidak kerana lain melainkan kerana kejahilan semata-mata.